

## TPPA perlu beri lebih banyak manfaat positif

**Pada** minggu lalu, Perjanjian Perkongsian Trans-Pasifik (TPPA) sudah disepakati oleh 12 negara dan negara terbabit perlu mendapat mandat daripada penggubal undang-undang di negara masing-masing bagi menguatkuasakan undang-undang berkenaan.

Dua belas negara terbabit dalam rundingan bagi TPPA ialah Amerika Syarikat (AS), Singapura, Brunei, New Zealand, Chile, Australia, Peru, Vietnam, Malaysia, Mexico, Kanada dan Jepun.

Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Mustapa Mohamed memberi jaminan bahawa Malaysia hanya akan menandatangani TPPA setelah terma



**RITA BENOY  
BUSHON**

rasmii dan teks akhir perjanjian disiapkan dan dikemukakan kepada orang awam, serta dibentangkan di Parlimen untuk kelulusan.

MSWG percaya potensi perdagangan dan akses kepada pasaran di bawah perjanjian itu sememangnya besar, namun, ia perlulah memberi lebih banyak manfaat positif daripada negatif secara keseluruhan dan dengan demiki-

an diteliti kesannya sebelum ia ditan-datangani.

Dalam hal yang berasingan, Hong Kong menamatkan rancangan untuk membenarkan saham yang mempunyai dua kelas dan struktur pengundian wajar berbanding amalan undian mengikut satu undi untuk satu saham, berikutan bantahan daripada pihak kawal selia pasaran.

Keputusan itu mengakibatkan kehilangan peluang bagi beberapa syarikat teknologi terbesar dunia yang tersenarai di Bursa Saham Hong Kong.

Amalan tadbir urus Hong Kong adalah konsisten dengan pendirian mereka pada tahun lalu, iaitu mereka tidak membenarkan tawaran awam awal (IPO) bernilai \$25 bilion bagi syarikat e-perdagangan gergasi China, iaitu Alibaba untuk mendapat kelulusan penyenaraian di Hong Kong untuk sebab yang sama.

### Saham dua kelas

Saham dua kelas adalah popular terutama di AS dalam kalangan pengasas syarikat teknologi seperti Facebook dan Google, yang boleh menjual saham tanpa melepaskan kawalan ke atas syarikat, dengan tujuan untuk mengekalkan kawalan ke atas inovasi teknologi.

Jika Hong Kong membenarkan struktur sedemikian, ia mungkin boleh menjejaskan kepentingan pemegang saham minoriti.

Mungkin ada cara yang lebih baik selain mengadakan struktur dua tahap pengundian, sekiranya pengasas syarikat ingin menangani kebimbangan terhadap terlekasnya kawalan mereka ke atas inovasi teknologi syarikat.



**Penulis**  
ialah Ketua Pegawai Eksekutif  
Kumpulan Pemerhati  
Pemegang Saham Minoriti  
(MSWG)